

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PASUKAN TINDAKAN KECEMASAN (EMERGENCY RESPONSE TEAM)

1. Pasukan ini terdiri daripada kakitangan IPJPSM yang dilantik mengikut blok dan aras bangunan tempat mereka bekerja. Setiap ahli pasukan ini akan dilatih dan memahami akan tanggungjawab masing-masing ketika menghadapi sebarang kebakaran dan kecemasan;
2. Dengan adanya kursus dan latihan kepada Ahli *ERT*, mereka seharusnya berupaya dan mempunyai kemahiran yang diperlukan bagi menguruskan situasi kejadian kebakaran atau kecemasan yang lain; dan
3. Berikut dinyatakan peranan setiap Ahli *ERT* semasa kejadian kebakaran atau kecemasan :

Komander Insiden

- I. Bertanggungjawab terhadap keselamatan penghuni/penjawat awam serta persekitaran tempat kerja.
- II. Menggerakkan organisasi bila berlaku kecemasan.
- III. Mengeluarkan arahan untuk mengaktifkan pelan pengungsian bangunan.
- IV. Memaklumkan kepada pihak Pengurusan Tertinggi mengenai kebakaran atau kecemasan.
- V. Bekerjasama dengan agensi berkaitan semasa berlaku kebakaran atau kecemasan.
- VI. Menyediakan maklumat untuk laporan kejadian.

Koordinator Insiden

- I. Membantu merancang dan melaksanakan aktiviti dan latihan kebakaran / pengungsian bangunan.
- II. Membantu menentukan keselamatan penghuni serta persekitaran tempat kerja semasa kejadian.
- III. Membantu menggerakkan organisasi bila berlaku kecemasan.
- IV. Membantu mengeluarkan arahan untuk mengaktifkan pelan pengungsian bangunan.
- V. Membantu agensi berkaitan semasa berlaku kebakaran atau kecemasan.
- VI. Membantu menyediakan maklumat kepada pihak-pihak berkaitan untuk menyediakan laporan kejadian.

Ketua Blok

- I. Melaporkan kepada Komander Insiden / Koordinator Insiden mengenai kebakaran atau kecemasan.
- II. Mengarahkan petugas siaraya untuk membuat pengumuman bencana dan mengaktifkan penggera selepas mendapat kebenaran Komander Insiden / Koordinator Insiden.
- III. Memastikan Ketua Aras serta pasukan – pasukannya di setiap aras bertindak semasa kejadian kebakaran dan kecemasan.
- IV. Mengumpul maklumat terkini dan lengkap untuk dimaklumkan pada Koordinator Insiden.

Ketua Aras

- I. Memeriksa dan mengesahkan kejadian serta melaporkan kepada Ketua Blok.
- II. Memastikan semua penghuni mengungsikan aras berkaitan.
- III. Mengetuai penghuni aras ke zon berkumpul yang telah ditetapkan mengikut blok masing-masing.
- IV. Memeriksa kehadiran penghuni di zon berkumpul dengan membuat '*head count*' dan memberi laporan lengkap kehadiran kepada Ketua Blok.
- V. Melaporkan situasi kepada Ketua Blok dari semasa ke semasa.